

**Bank Rakyat Isytihar Dividen 15 Peratus  
Bernama  
13 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Bank Rakyat, pergerakan koperasi Islam terbesar di Malaysia, mengisytiharkan dividen tunai sebanyak 15 peratus, berjumlah RM446 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2013.

Bank itu mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM2.13 bilion, sama seperti tahun sebelumnya.

Semasa mengumumkan keputusan kewangan bank itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek, berkata bank itu mencatatkan prestasi kewangan yang membanggakan meskipun berhadapan dengan persekitaran yang lebih mencabar serta perubahan syarat-syarat kawal selia yang bertujuan membendung hutang isi rumah.

Bank itu menyumbang dua peratus atau RM42.51 juta keuntungan sebelum cukai dan zakatnya kepada Tabung Amanah Pendidikan Koperasi dan satu peratus atau RM21.25 juta, kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

"Kami berharap keseluruhan sumbangan bagi 2013, berjumlah RM63.76 juta, akan membantu sektor koperasi di negara ini," katanya.

Hasan berkata keuntungan bersih bank itu meningkat 8.7 peratus kepada RM1.91 bilion berbanding RM1.75 bilion yang dicatatkan pada 2012.

Pendapatan kasar Bank Rakyat terus mencatatkan jumlah yang tinggi, iaitu RM6.07 bilion, ekoran pendapatan daripada pembiayaan berjumlah RM4.68 bilion, manakala pendapatan kendalian lain bertambah kepada RM522.26 juta daripada RM433.01 juta sebelumnya.

Jumlah deposit meningkat 4.2 peratus atau RM2.63 bilion kepada RM65.30 bilion berbanding RM62.67 bilion yang dicatatkan pada 2012.

Jumlah aset bertambah 4.9 peratus secara perbandingan tahun ke tahun, kepada RM82.88 bilion berbanding RM79.02 bilion pada 2012.

"Kami menjangka aset, pinjaman dan deposit kami berkembang di antara lima dan tujuh peratus dalam tahun kewangan semasa berakhir 31 Dis, 2014," kata Pengarah Urusan merangkap Presiden, Datuk Mustafha Abd Razak.

Beliau berkata bank itu memperuntukkan sejumlah RM300 juta bagi perbelanjaan modal tahun ini,

dan daripada jumlah itu, lebih RM100 juta akan digunakan untuk menaik taraf sistem perbankannya, RM50 juta untuk membuka lima cawangan, manakala bakinya untuk membeli kelengkapan pejabat.

Bank Rakyat juga merancang untuk menerbitkan satu lagi sukuk musharakah bernilai RM1 bilion sebelum suku kedua tahun ini, katanya.

Terbitan sukuk RM1 bilion itu adalah sebahagian daripada program nota jangka sederhana Islam bernilai nominal hingga RM9 bilion yang diterbitkan melalui saluran pembiayaan dilantik, Imtiaz Sukuk II Bhd.

Tentang dividen yang lebih rendah, iaitu sebanyak 15 peratus yang diisytiharkan bagi 2013 (16 peratus pada 2012) dan dividen saham bonus sebanyak dua peratus pada 2012, Mustafha berkata: "Kami menganggap 15 peratus sebagai masih tinggi memandangkan keadaan ekonomi semasa.

"Kami juga sedang dalam proses memperkukuh kedudukan kewangan dan mudah tunai kami sebagai persediaan untuk mematuhi Basel III," tegasnya.

Basel III ialah piawaian kawal selia sukarela global bagi kecukupan modal bank, ujian tekanan dan risiko mudah tunai pasaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021707>